



NEGERI BRUNEI

E. 12 TAHUN 1967

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959

Perentah2 Dzarurat (Kawalan Terbitan2), 1967

Bagi menjalankan kuasa2 yang di-beri kapada-nya oleh cheraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan ini membuat Perentah2 yang berikut :—

- an.
1. Perentah2 ini boleh di-gelar sebagai **Perentah2 Dzarurat (Kawalan Terbitan2), 1967.**

Tafsiran

2. Dalam Perentah2 ini kechuali jika maksudnya berkehendakkan ma'ana yang lain —
- “terbitan berkala” termasok tiap2 terbitan yang di-keluarkan sechara berkala2 atau mengandungi bahagian2 atau bilangan2 dari masa ka-semasa sama ada dengan tetap-nya atau tidak;
 - “tempat” termasok sebarang kenderaan, kapal laut, keretapi atau kapal terbang, sama ada di-tempat ramai atau tidak;
 - “terbitan yang di-larang” berma'ana mana2 terbitan yang pengimpotan, penjualan atau pengedaran-nya telah di-larang dibawah Perentah 3 dari Perentah2 ini;
 - “terbitan” termasok semua majallah ber-gambar yang bertulis atau benda ber-chetak dan segala apa, sama ada jenis yang serupa dengan benda bertulis atau berchetak atau tidak, yang mengandungi sebarang gambaran yang nampak, atau dengan rupa, bentok, atau dengan apa jua chara-nya boleh membayangkan kata2 atau buah2 fikiran, dan tiap2 naskah dan salinan atau salinan yang di-ambil sechara besar2an dari sebarang terbitan.

Kuasa milarang pengimpotan penjualan atau pengedaran terbitan2.

3. (1) Jika Menteri Besar berpendapat bahawa pengimpotan, penjualan atau pengedaran mana2 terbitan atau siri2 terbitan yang di-terbitkan atau di-chetak di-luar Negeri atau di-dalam Negeri oleh sesiapa jua akan bertentangan dengan kepentingan awam, maka bolehlah dia atas pertimbangan mutlak-nya sendiri, dengan perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, melarang pengimpotan, penjualan atau pengedaran terbitan atau siri2 terbitan atau semua terbitan tersebut yang di-terbitkan atau di-chetak oleh orang itu.
- (2) Jika sa-suatu perentah di-bawah sharat2 perenggan (1) dari Perentah ini menentukan nama sa-suatu terbitan yang mana ada-lah suatu terbitan

berkala, maka perentah itu akan kechuali maksud yang lain ada di-nyatakan di-dalam perentah itu, mempunyai kesan terhadap —

- (a) semua keluaran lampau dan yang berikutan mengenai terbitan itu; dan
- (b) mana2 terbitan yang di-terbitkan atau di-chetak di-bawah sebarang nama yang lain jika penerbitan atau perchetakan-nya itu ada-lah dari segi mana pon merupakan sambongan dari, atau sebagai ganti kapada, penerbitan atau perchetakan mengenai terbitan yang dinamakan di-dalam perentah itu.

(3) Jika sa-suatu perentah yang di-buat di-bawah sharat2 perenggan (1) dari Perentah ini melarang pengimpotan, penjualan atau pengedaran semua terbitan yang di-terbitkan atau di-chetak oleh sa-saorang yang di-tentukan maka perentah tersebut hendak-lah, kechuali maksud yang lain ada di-nyatakan di-dalam perentah itu, mempunyai kesan bukan sahaja terhadap semua terbitan yang di-terbitkan atau di-chetak oleh orang itu sa-belum tarikh perentah itu bahkan juga terhadap semua terbitan yang di-terbitkan atau di-chetak pada atau sa-lepas tarikh tersebut.

(4) Sa-suatu perentah yang di-buat di-bawah sharat2 perenggan (1) dari Perentah ini hendak-lah, kechuali maksud yang lain ada di-nyatakan di-dalam perentah itu, di-kenakan kapada sebarang terjemahan kadalam apa jua bahasa mengenai terbitan yang di-tentu di-dalam perentah itu.

(5) Menteri Besar boleh pada bila2 masa membatalkan, mengubah atau meminda mana2 perentah yang di-perbuat di-bawah sharat2 Perentah ini.

uan2. 4. (1) Se-siapa jua yang mengimpor, menerbit, menjual, menawar untuk di-jual, membahagi atau membuat salinan2 sebarang terbitan yang di-larang atau sebarang chabutan daripada-nya akan bersalah dan bagi kesalahan pertama akan di-kenakan hukuman penjara selama tidak lebih dari tiga tahun atau hukuman denda sa-banyak tidak lebih dari dua

ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda dan bagi kesalahan selanjutnya hukuman penjara selama tidak lebeh dari empat tahun.

(2) Se-siapa juu yang tidak mempunyai sebab yang berpatutan ada dalam milek-nya sebarang terbitan yang di-larang atau sebarang chabutan dari-pada-nya akan bersalah dan bagi kesalahan pertama akan di-kenakan hukuman penjara selama tidak lebeh dari satu tahun atau hukuman denda sa-banyak tidak lebeh dari sa-ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda, dan bagi kesalahan selanjutnya hukuman penjara selama tidak lebeh dari dua tahun.

(3) Dalam mana2 tindakan mahkamah terhadap se-siapa juu di-bawah perenggan (2) dari Perentah ini maka orang itu hendak-lah di-sifatkan, sahingga sa-balek-nya di-buktikan, telah mengetahui akan kandongan2 serta perihal kandongan2 mana2 terbitan sebaik2 sahaja sa-lepas terbitan itu berada di-dalam milek-nya.

**Penyerahan
terbitan yang
di-larang ka-
pehak Pulis.**

5. Sesiapa juu —

- (a) yang di-hantarkan kapada-nya mana2 terbitan yang di-larang atau mana2 chabutan dari terbitan itu tanpa pengetahuan atau ma'aluman-nya atau di-hantarkan sebagai memenohi permintaan yang di-buat oleh orang itu sabelum larangan pengimpotan, penjualan atau pengedaran terbitan itu berjalan kuat-kuasa-nya; atau
- (b) yang ada dalam milek-nya terbitan yang sademikian atau chabutan dari terbitan itu pada masa larangan pengimpotan, penjualan atau pengedaran-nya berjalan kuat-kuasa-nya,

hendak-lah dengan serta-merta, sebaik2 sahaja perihal kandongan2-nya telah di-ketahui oleh-nya, atau dalam perkara sa-suatu terbitan atau chabutan dari terbitan itu berada dalam milek orang itu sabelum sa-suatu perentah melarang pengimpotan, penjualan atau pengedaran-nya di-perbuat manakala berjalan

kuat-kuasa-nya perentah sademikian, menyerahkan terbitan itu atau chabutan dari terbitan itu kepada sa-orang pegawai pulis yang berpangkat tidak rendah dari Merinyu atau kapada pegawai yang memerentah Balai Pulis dan jika gagal melakukan demikian akan bersalah dan akan di-kenakan hukuman penjara selama tidak lebeh dari sa-tahun atau hukuman denda sa-banyak tidak lebeh dari sa-ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda.

6. (1) Mana2 —

ksa
an2.

- (a) pegawai Jabatan Perkhidmatan2 Pos yang berpangkat tidak rendah dari Ketua Pos;
- (b) pegawai Jabatan Kastam yang berpangkat tidak rendah dari Pegawai Kastam;
- (c) pegawai Pulis yang berpangkat tidak rendah dari Merinyu; dan
- (d) pegawai lain yang di-beri kuasa berhubung dengan perkara itu oleh Menteri Besar,

boleh menahan, membuka dan memereksa mana2 bungkusan atau benda yang dia shak ada mengan-dongi sebarang terbitan yang di-larang atau chabut-an dari terbitan itu dan semasa pemereksaan tersebut boleh menahan sesiapa jua yang meng-impot, membahagi atau mengepos bungkusan atau benda tersebut atau dalam milek siapa bungkusan atau benda itu di-dapati.

(2) Jika mana2 terbitan yang di-larang atau chabutan dari terbitan itu ada di-dapati di-dalam bungkusan atau benda itu, maka keseluroh bung-kusan atau benda itu boleh di-ambil milek dan di-simpan oleh pegawai itu dan orang yang mengimpor, membahagi atau mengepos-nya, atau dalam milek siapa terbitan atau chabutan dari terbitan itu di-dapati, boleh dengan serta-merta di-tangkap oleh pegawai itu dan tindakan mahkamah di-ambil ter-hadap-nya kerana melakukan kesalahan di-bawah Perentah 4 atau 5 dari Perentah2 ini mengikut sebagaimana keadaan-nya.

Perluchutan
hak.

7. Sa-sabuah Mahkamah di-hadapan mana sebarang tindakan di-jalankan di-bawah Perentah2 ini jika berpuas hati bahawa mana2 documen yang dikemukakan dalam tindakan itu ada-lah terbitan yang di-larang atau chabutan dari terbitan itu, hendak-lah sama ada orang yang di-da'awa melakukan kesalahan itu di-dapati thabit-kesalahan-nya atau tidak, memerentahkan supaya terbitan atau chabutan dari terbitan itu di-luchutkan hak dan diserahkan kepada Pesurohjaya Pulis, siapa yang akan memerentahkan supaya terbitan atau chabutan dari terbitan itu di-musnahkan atau membuat apa sahaja mengikut apa yang di-fikirkan patut.

Pengeluaran
waran meng-
geledah.

8. (1) Apabila nampak-nya kepada mana2 Peng-adil manakala menerima ma'alumat dan satelah di-adakan penyiasatan yang di-fikirkan perlu bahawa ada sebab yang munasabah untuk memperchayai bahawa di-dalam mana2 bangunan atau tempat ada di-semبunyikan atau di-tarohkan sebarang terbitan yang di-larang atau chabutan dari terbitan itu, maka Pengadil itu boleh, dengan waran yang di-tujukan kepada mana2 pegawai pulis yang berpangkat tidak rendah dari Merinyu, memberi kuasa kepada pegawai itu untuk memasokki bangunan atau tempat itu dengan kekerasan jika perlu untuk menggeledah, merampas dan menahan sebarang terbitan yang sademikian.

(2) Apabila nampak-nya kepada mana2 pegawai pulis, yang berpangkat tidak rendah dari Penolong Penguasa, bahawa ada sebab yang munasabah untuk memperchayai bahawa di-dalam mana2 bangunan atau tempat ada di-semبunyikan atau di-tarohkan sebarang terbitan yang di-larang atau chabutan dari terbitan itu dan dia mempunyai alasan2 yang baik bagi memperchayai bahawa tujuan penggeledahan itu harus tidak akan berhasil kerana kelewatan memperolehi waran menggeledah, maka dia boleh-lah memasokki dan menggeledah bangunan atau tempat itu saolah2 dia telah di-beri kuasa berbuat demikian oleh sa-suatu waran yang di-keluarkan dibawah perenggan (1) dari Perentah ini.

ap
idak
.

9. Sesiapa jua pegawai pulis yang berpangkat tidak rendah dari Merinyu boleh menangkap dengan tidak berwaran mana2 orang yang di-dapati atau ada sebab di-shakki melakukan atau chuba melakukan atau menghasut atau bersubahat dengan sesiapa jua supaya melakukan mana2 kesalahan terhadap Perentah2 ini, atau ada sebab di-shakki memilekki sechara yang melanggar undang2 sebarang benda yang boleh di-luchutkan hak di-bawah Perentah2 ini.

aan
ang
kan

10. (1) Sa-saorang Pengawal atau sesiapa jua pegawai yang di-beri kuasa boleh menahan, membuka dan memereksa sebarang benda yang di-masukkan ka-dalam Negeri dari mana2 tempat di-luar Negeri dengan chara apa jua pun yang mana dia mempunyai sebab memperchayai berisi atau mengan-dongi sa-suatu terbitan yang mana pengimpostan, penjualan atau pengedaran-nya ada-lah mendatangkan mudharrat kapada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negeri.

(2) Jika satelah benda itu di-buka dan di-pereksa maka ia-nya di-dapati berisi atau mangan-dongi sa-suatu terbitan yang mana pada pendapat Pengawal atau pegawai yang di-beri kuasa ada-lah mendatangkan mudharrat kapada keselamatan atau kepentingan awam dalam Negeri maka dia boleh menahan benda itu selama yang di-anggap-nya perlu dan boleh atas pertimbangan mutlak-nya sendiri memusnah atau menyebabkan supaya di-mus-nahkan benda itu atau isi benda tersebut yang mengandungi sebarang terbitkan sademikian.

saan
yang
ia-da-
eri.

11. (1) Sesiapa jua yang masok ka-dalam Negeri hendak-lah, jika dia di-kehendakki berbuat demikian oleh Pengawal atau sesiapa jua pegawai yang di-beri kuasa —

- (a) menyatakan sama ada atau tidak dia ada membawa sebarang terbitan; dan
- (b) menunjokkn terbitan sademikian untuk di-perekxa.

(2) Sa-saorang Pengawal atau sa-saorang pegawai yang di-beri kuasa boleh memereksa mana2 orang yang masok ka-dalam Negeri atau menggeledah sebarang benda yang ada pada diri orang itu bagi maksud menentukan sama ada dia ada dalam milek-nya sebarang terbitan yang Pengawal atau pegawai yang di-beri kuasa fikir ada-lah mendatangkan mudharrat kapada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negeri, dan boleh merampas mana2 terbitan yang di-tunjukkan-nya itu atau di-dapati semasa di-lakukan pemereksaan atau penggeledahan sademikian.

(3) Mana2 terbitan yang di-rampas di-bawah sharat2 perenggan (2) dari Perentah ini boleh ditahan selama yang Pengawal atau pegawai yang di-beri kuasa menganggap-nya perlu dan Pengawal atau pegawai yang di-beri kuasa —

- (a) boleh, jika terbitan itu ada-lah pada pendapat-nya satu terbitan yang mendatangkan mudharrat kapada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negeri merampas terbitan sademikian dan atas pertimbangan mutlak-nya sendiri memusnah atau menyebabkan-nya di-musnahkan; dan
- (b) hendak-lah, jika terbitan yang sademikian pada pendapat-nya tidak mendatangkan mudharrat kapada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Negeri mengembalikan terbitan itu kapada orang daripada siapa terbitan itu telah di-rampas.

(4) Sesiapa jua yang gagal memenohi sebarang kehendak yang di-perbuat oleh sa-orang Pengawal atau pegawai yang di-beri kuasa di-bawah sharat2 perenggan (1) dari Perentah ini akan bersalah dan akan di-kenakan hukuman penjara selama tidak lebih dari enam bulan atau hukuman denda sambanyak tidak lebih dari sa-ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda.

geledahan
man atau
at.

12. (1) Sa-orang Pengawal boleh memberi kuasa kepada mana2 pegawai pulis yang berpangkat tidak rendah dari Merinyu memasokki dan menggeledah sebarang bangunan atau tempat di-mana dia mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai apa2 jua terbitan yang mendatangkan mudharrat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam mungkin di-dapati, dan merampas terbitan yang dijumpai itu.

(2) Sa-saorang Pengawal boleh menahan terbitan yang sademikian selama yang di-anggap-nya patut dan boleh atas pertimbangan mutlak-nya sendiri memusnahkan atau menyebabkan terbitan yang di-tahan itu di-musnahkan.

akan
awal2
pegawai2
di-beri
.

13. (1) Pengawal Kastam, Pesurohjaya Pulis, Ketua Chawangan Khas dan pegawai2 lain yang tertentu yang Menteri Besar boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* melantek akan menjadi Pengawal2 bagi maksud2 Perentah2 10, 11 dan 12 dari Perentah2 ini.

(2) Menteri Besar boleh, sechara bersurat yang di-tanda-tangani oleh-nya, melantek mana2 pegawai Kerajaan menjadi pegawai yang di-beri kuasa bagi maksud2 Perentah2 10 dan 11 dari Perentah2 ini.

(3) Sebagai menjalankan kuasa2 mereka dan sebagai mengerjakan kewajipan2 mereka di-bawah Perentah2 ini, Pengawal2 dan Pegawai2 yang di-beri kuasa hendak-lah berpandukan kepada arahan2 'am atau khas yang mungkin, dari masa ka-semasa, di-beri kepada mereka oleh Menteri Besar.

tan ter-
p tinda-
undang2.

14. Tiada apa jua tindakan undang2 boleh di-adakan, atau di-mulakan atau di-teruskan di-dalam mana2 mahkamah bagi atau kerana mana2 kerugian mengenai, atau kerosakan kapada sebarang benda atau terbitan yang telah di-rampas, di-tahan, di-sita atau di-musnahkan di-bawah sharat2 Perentah 10, 11 atau 12 dari Perentah ini, atau bagi atau kerana sebarang kelewatan menyerahkan atau mengembalikan benda atau terbitan itu kepada orang yang benda atau terbitan yang sademikian sepatut-nya di-sampaikan atau di-kembalikan.

Rayuan2.

15. (1) Sesiapa jua yang tidak puas hati oleh penahanan mana2 benda atau terbitan di-bawah sharat2 Perentah 10, 11 atau 12 dari Perentah2 ini boleh merayu terhadap penahanan yang sademikian kapada Menteri Besar keputusan siapa mengenai-nya ada-lah mu'tamad dan tidak boleh di-bangkitkan sebagai perso'alan di-dalam mana2 Mahkamah :

Dengan sharat bahawa rayuan yang sademikian itu tidak akan di-benarkan melainkan notis rayuan yang bertulis berserta dengan sebab2 di-buat rayuan di-beri kapada Menteri Besar dalam masa empat belas hari dari tarikh penyerahan pemberitahuan yang di-sebutkan di-dalam perenggan (2) dari Perentah ini.

(2) Sa-saorang Pengawal atau sa-saorang pegawai yang di-beri kuasa hendak-lah memberi-tahu orang yang di-alamatkan atau orang yang menerima benda2 yang telah di-tahan di-bawah sharat2 Perentah 10 dari Perentah2 ini atau orang yang daripada siapa mana2 terbitan telah di-rampas atau di-tahan di-bawah sharat2 Perentah 11 atau 12 dari Perentah2 ini mengenai hak-nya untuk merayu di-bawah sharat2 perenggan (1) dari Perentah ini.

(3) Sa-suatu pemberitahuan yang di-beri oleh sa-saorang Pengawal atau sa-saorang pegawai yang di-beri kuasa di-bawah sharat2 perenggan (2) dari Perentah ini boleh di-berikan kapada orang itu sendiri atau boleh di-hantarkan dengan jalan pos dan hari-nya bilamana sa-suatu pemberitahuan yang telah di-poskan itu sa-patut-nya dapat di-terima menurut perjalanan pos biasa hendak-lah di-anggap sebagai tarikh penyerahan tiap2 pemberitahuan.

(4) Dengan tidak menghiraukan sebarang sharat2 yang lain dari Perentah2 ini tiada benda atau terbitan boleh di-musnahkan di-bawah sharat2 Perentah 10, 11 atau 12 dari Perentah2 ini melainkan rayuan tidak di-hadapkan mengenai penahanannya atau sebarang rayuan terhadap penahanannya telah di-tolak atau tidak di-teruskan.

Di-buat pada hari ini 23hb May, 1967.

PENGIRAN PEMANCHА

.....
Timbalan Sultan.